

U 0008 DEB
MAHATHIR - LEBUH RAYA
(I)

KUALA LUMPUR, 14 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN AKAN TETAP MENANDATANGANI PERJANJIAN DENGAN UNITED ENGINEERS MALAYSIA (UEM) BAGI PEMBINAAN LEBUH RAYA UTARA-SELATAN YANG BERHARGA BERJUTA-JUTA RINGGIT.

+SAYA TIDAK NAMPAK MENGAPA KITA TIDAK MENANDATANGINYA,+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA KETIKA DITANYA SAMPAKA KERAJAAN AKAN MENANDATANGANI PERJANJIAN ITU BERIKUTAN BANTAHAN DAP, YANG JUGA MEMBERI AMARAN UNTUK MELANCARKAN +KEMPEN MENGUTUK KERAJAAN DI SELURUH NEGARA+ JIKA KERAJAAN MENERUSKAN RANCANGAN MENANDATANGANI PERJANJIAN ITU.

PARTI PEMBANGKANG ITU TELAH PUN MENGUMUMKAN HASRATNYA UNTUK MENDAPATKAN PENDAPAT UMUM JIKA UEM DIBERIKAN TAWARAN PROJEK BERHARGA \$3,400 JUTA ITU KERANA APA YANG DIDAKWANYA MERUPAKAN TENDER YANG +TIDAK ADIL+.

MENTERI KERJA RAYA, DATUK S.SAMY VELLU, SEBELUM INI MENYATAKAN PERJANJIAN ITU AKAN DITANDATANGANI MINGGU DEPAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MENYERAHKAN KEPADA KEMENTERIAN BERKENAAN UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN SELANJUTNYA. -- LAGI
1254MST 14 08 87

D987

U 0009 DEB
MAHATHIR - LEBUH RAYA 2 KUALA LUMPUR
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA BELIAU MENERIMA PERLETAKAN JAWATAN SETIAUSAHA KERJA PARTI, ENCIK NASARUDDIN ALANG SAIDIN, YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN PARIT.

+LEBIH BAIK BELIAU MELETAKKAN JAWATAN KERANA SEBAGAI ANGGOTA PARLIMEN, BELIAU MEMPUNYAI TUGAS-TUGASNYA SENDIRI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BELUM MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI PENGGANTI ENCIK NASARUDDIN.

KETIKA DIMINTA MENGULAS LAPORAN BAHAWA PENDATANG-PENDATANG HARAM SEDANG CUBA MEMPENGARUHI ORANG ISLAM MENGANUT AGAMA KRISTIAN, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BELUM MENERIMA LAPORAN LENGKAP.

MENGENAI CADANGAN MESYUARAT KHAS MENTERI-MENTERI LUAR ASEAN DI BANGKOK, AHAD INI BAGI MEMBINCANGKAN ISU KAMPUCHEA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BELUM LAGI MENERIMA APA-APA BERITA SECARA RASMI MENGENAINYA. -- BERNAMA

1256MST 14 08 87